

# Jangan culas

# bayar PTPTN

Sinar Harian  
4/10/2014  
m/s : 42.

## Graduan UTHM diingot bayar pinjaman ikut jadual ditetap

**BATU PAHAT** – Graduan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) diingotkan supaya tidak culas membayar pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Walaupun membayar dengan jumlah yang kecil sebagai permulaan, mereka perlu melaksanakannya mengikut jadual ditetapkan PTPTN.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Noh Dalimin berkata, ia penting kerana memberi kesan kepada graduan itu sendiri pada masa hadapan jika tidak membayar.

Katanya, pihaknya turut kluatir jika ada sesetengah penuntut yang ditawarkan



**NOH**

pengajian ke luar negara, tetapi kerana tidak membayar pinjaman, mereka dilarang meninggalkan negara.

"Kami sedih apabila dalam pembentangan Bajet 2015 Jumaat lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak

mengumumkan seramai 170,000 graduan masih belum memulakan sebarang bayaran dan saya harap mereka bukanlah terdiri daripada graduan UTHM yang rata-ratanya sudah berjaya dan memiliki pekerjaan baik.

"Diharap penuntut yang baru tamat pengajian dan menerima ijazah dalam Konvokesyen Kali Ke-14 mampu mengikut jejak langkah abang dan kakak mereka," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Sementara itu, Noh berkata, graduan juga diminta merancang kewangan sebaik mungkin selepas bekerja nanti sebelum memikirkan untuk menambah hutang.